

RAMADHAN MUSLIM GILIK

GARIS PANDUAN PERTANDINGAN VIDEO ANIMASI

1. Syarat

- Penyertaan terbuka kepada **Kategori C: 10-12 tahun sahaja**. Dbolehkan 1-3 orang dalam setiap penyertaan.
 - Durasi video mestilah tidak melebihi 5 minit.
 - Ukuran video animasi haruslah 16:9
 - Karya hendaklah dihasilkan dalam Bahasa Melayu
- Anda bebas menghasilkan video animasi menggunakan mana-mana aplikasi tetapi karya anda harus bertemakan “**Ramadan Mendidik Erti Memberi**”.
- Video yang dihasilkan mestilah ASLI. Sebarang rakaman plagiat, terjemahan atau video yang pernah disiarkan di mana-mana penerbitan digital terbatal secara automatic.
- Anda juga mestilah menghantar sekali rakaman video proses kerja (dalam *timeline*) ketika video animasi tersebut sedang dihasilkan. Contoh video: <https://www.youtube.com/watch?v=0pLy7vc-ta0>
- Sekiranya selepas keputusan diumumkan, urus setia mendapati peserta melanggar syarat keaslian, urus setia berhak menarik kembali hadiah pertandingan.
- Pastikan semua lagu yang digunakan berstatus bebas royalti. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan akibat pelanggaran hak cipta.
- Video yang dihasilkan adalah manifestasi kreativiti peserta dan tidak boleh mengandungi unsur-unsur yang menyentuh sebarang sensitiviti. Manakala unsur negatif tidak wajar dipaparkan dalam video.
- Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan akibat pelanggaran hasil hakcipta yang melibatkan muzik dan seumpamanya. Peserta hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya sama ada sebelum, semasa atau selepas video dihasilkan.
- Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana penyertaan yang melanggar syarat-syarat di atas. Penganjur tidak akan melayan sebarang tuntutan tambahan daripada penyertaan yang dihantar peserta.

2. Pemarkahan

Karya video animasi anda akan dinilai berdasarkan kualiti dan keaslian, teknik persembahan, kreativiti dan ketepatan mengikut tema.

3. Muatnaik video anda dan daftar

- Muatnaik video animasi anda menerusi Facebook dan Instagram milik anda atau ahli keluarga dengan tanda pagar **#videoanimasiRMC #Haluanita**
- Hanya seorang wakil sahaja diperlukan untuk mendaftar bagi penyertaan yang mempunyai lebih dari seorang peserta. Sila daftar butiran dan sertakan pautan video anda di dalam ruang yang disediakan dalam borang pendaftaran selewat-lewatnya pada **31 Mac 2023** (Jumaat) sebelum jam 5:00 petang.
- Link pendaftaran: <https://www.haluan.org.my/event/rmc2023>

4. Keputusan

Pemenang akan diumumkan di Facebook dan Instagram Haluanita pada **8 April 2023**. Pihak penganjur akan menghubungi ibubapa/penjaga pemenang bagi urusan penyerahan hadiah.